

Pemeriksa forensik gagal sahkan tandatangan Najib dipalsukan

Oleh **SUWARNI MOKHTAR**
utusannews@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Pemeriksaan forensik dokumen tidak dapat memberikan dapatan yang konklusif sama ada tandatangan Datuk Seri Najib Tun Razak dalam beberapa dokumen termasuk salinan cek yang dikeluarkan bekas Perdana Menteri itu adalah tulen atau sebaliknya.

Menurut saksi pembelaan ke-26, Tay Eue Kam, walaupun terdapat perbezaan tandatangan pada dokumen yang dipertikaikan (questioned documents) dan dokumen yang dibandingkan (specimen documents)

yang diberikan kepadanya untuk pemeriksaan, namun ia hanyalah salinan fotostat.

Jelas Eue Kam, apabila berurusan dengan dokumen yang telah dicetak semula, ada kemungkinan berlakunya keadaan tandatangan disalin dan ditampal semula (lifted and pasted), justeru perbandingan perlu dilakukan berdasarkan dokumen asal.

“Saya tidak dapat membuat sebarang dapatan yang konklusif. Dapatan yang konklusif hanya boleh dibuat dengan pemeriksaan terhadap dokumen yang asal,” kata saksi berkenaan.

Tambahnya, bukan perkara yang mudah untuk membuktikan atau mengenal pasti bahawa pemalsuan (tandatangan) telah dilakukan.

Sebelum ini, pihak pembelaan menimbulkan dakwaan bahawa tandatangan Najib pada beberapa dokumen telah ditiru atau ‘ditampal’ ekoran terdapat perbezaan antara satu sama lain.

Antara dokumen berkenaan adalah berkaitan kelulusan pinjaman berjumlah AS\$975 juta oleh 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dengan Deutsche Bank Singapore.

Najib ketika membaca per-

nyataan saksi semasa membela diri turut mendakwa tandatangan dan tulisannya telah dipalsukan termasuk dalam kes penyelewengan dana RM42 juta milik SRC International Sdn. Bhd.

Bagaimanapun, ia merupakan kali pertama bekas Ahli Parlimen Pekan itu memanggil saksi pakar untuk menyokong dakwaan itu. Najib kini sedang menjalani hukuman penjara atas kesalahan berkenaan.

Terdahulu, Eue Kam menyatakan beliau telah diserahkan sebanyak tujuh dokumen yang dipertikaikan dan 31 dokumen untuk dibandingkan oleh firma

guaman, Shafee & Co. untuk di analisis pada 23 April 2025.

Laporan hasil pemeriksaan tersebut dibuat oleh saksi berkenaan pada 3 Mei lalu.

Najib kini dibicarakan atas empat pertuduhan menggunakan kedudukannya ketika itu untuk mendapatkan suapan berjumlah RM2.3 bilion daripada dana 1MDB serta 21 pertuduhan pengubahan wang haram membabitkan jumlah sama.

Perbicaraan di hadapan Hakim Datuk Collin Lawrence Sequerah diteruskan hari ini dengan pihak pendakwaan akan menyoal balas Eue Kam.